

Lahirkan pekerja berkeelayakan tinggi – Najib

PETALING JAYA 29 Jan. – Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan tiga cara untuk meningkatkan proses melahirkan tenaga kerja yang berkeelayakan tinggi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pertama ialah memberi penekanan lebih berat kepada pembangunan kemahiran keusahawanan di semua peringkat pendidikan dan latihan.

Kedua, kata beliau, usaha mesti dibuat untuk memperluaskan program pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan individu bagi meningkatkan dan menambah nilai mereka menerusi penguasaan ilmu dan kemahiran secara berterusan.

Beliau berkata, ketiga ialah mewujudkan usaha sama yang lebih baik antara industri dan institusi pengajian tinggi.

Berucap pada majlis pecah tanah kampus Kolej Universiti Taylor di sini yang menelan belanja RM256 juta, beliau berkata, bagi membangunkan kemahiran keusahawanan, Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Pendidikan dan Latihan diwujudkan.

Katanya, ia bertujuan untuk memandu dasar dan strategi berkaitan dengan pendidikan dan latihan perindustrian.

“Ia akan meningkatkan kadar mereka yang boleh bekerja dalam kalangan lulusan universiti tempatan pada masa akan datang,” katanya.

Mengenai usaha untuk meningkatkan program pembelajaran sepanjang hayat, Najib berkata, penekanan perlu diberikan dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian latihan dan pendidikan.